

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**[ BACHOK ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (Rabu)**

**SOALAN**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [ Serdang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan implikasi politik dan nama baik Malaysia di peringkat antarabangsa berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim. Apakah usaha dan jaminan Kerajaan dalam memastikan institusi kehakiman negara adalah benar-benar bebas dan dilihat bebas oleh rakyat dan juga masyarakat antarabangsa.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Badan Kehakiman adalah sebuah badan yang berfungsi untuk mentadbir dan melaksanakan keadilan di negara ini. Ia adalah suatu badan yang menjalankan kuasa kehakiman dan bebas daripada pengaruh Badan Eksekutif mahupun Perundangan (*legislative*) kerana fungsinya yang bertindak sebagai suatu mekanisma utama dalam penyelesaian apa-apa pertikaian dan melaksanakan keadilan di negara ini. Fungsi-fungsi yang dijalankan adalah fungsi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

2. Sepertimana kita semua sedia maklum, keputusan Mahkamah Persekutuan ialah penimbangtara terakhir bagi kes yang membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini. Ia diputuskan oleh mahkamah setelah melalui perbicaraan penuh dan rayuan mengikut proses undang-undang (*due process of law*).

3. Setiap kes telah dibicarakan secara adil dan saksama oleh mahkamah. Datuk Seri Anwar Ibrahim juga telah diberi kebebasan untuk diwakili oleh sepasukan peguambela yang diantik mengikut pilihannya sendiri.

4. Selanjutnya, sepanjang enam tahun enam bulan prosiding mahkamah berjalan, beliau telah diberikan oleh mahkamah hak perbicaraan yang adil dan setiap peluang untuk melaksanakan hak-

hak perlembagaan. Beliau juga telah mendapat dan menggunakan setiap peluang untuk membuat semakan dan rayuan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

5. Prinsip kebebasan Badan Kehakiman boleh dilihat sebagai suatu badan yang menjalankan fungsinya tanpa pengaruh mana-mana pihak. Kebebasan Kehakiman adalah merujuk kepada keupayaan seseorang Hakim untuk memutuskan kes berdasarkan merit dan bebas daripada tekanan atau pengaruh sesiapa sahaja sekaligus menambahkan lagi keyakinan dan kepercayaan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap Badan Kehakiman di negara ini.

Sekian, terima kasih.